

Headline	UUM diarah bayar RM3.7j kepada KIC Management		
MediaTitle	Kosmo		
Date	30 Oct 2012	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Color	Black/white
Page No	2	ArticleSize	100 cm ²
AdValue	RM 462	PR Value	RM 1,385



UUM diarah bayar RM3.7j kepada KIC Management

ALOR SETAR – Mahkamah Tinggi di sini menolak permohonan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menggantung suatu pelaksanaan penghakiman dan diarah membayar lebih RM3.7 juta kepada KIC Management kerana melanggar perjanjian khidmat luar bagi sebuah program sarjana dengan syarikat itu.

Peguam yang mewakili syarikat itu, C.V Devan berkata, keputusan itu dibuat Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Zakiah Kassim di dalam kamar semalam.

“Permohonan untuk menggantung pelaksanaan penghakiman itu telah ditolak dengan kos.

“Pada 17 Mei 2012, UUM diarah menjelaskan bayaran itu dalam tempoh 14 hari tapi mereka memohon menggantung pelaksanaan penghakiman itu sehingga kes rayuan mereka diputuskan Mahkamah Rayuan,” katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Dalam pernyataan tuntutan pada 8 Ogos 2010, KIC Management mendakwa UUM menamatkan memorandum perjanjian (MoA) dengan syarikat itu bagi menjalankan program pasca Siswazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) bermula 1 Jun 2009.

Syarikat itu menuntut RM424,860 bagi kehilangan baki yuran itu, RM3.27 juta bagi kehilangan keuntungan/pendapatan, faedah statutori pada kadar lapan peratus setahun atas jumlah dua tuntutan itu dan kos serta lain-lain relif yang diarahkan mahkamah.

UUM diwakili oleh peguam, Nadzarin Nordin.